

5.2.6 Membina Struktur Binaan Lanskap Kejur di Tapak Pembinaan Lanskap Mengikut Prosedur Kerja dan Tatacara Keselamatan

Pembinaan struktur binaan landskap kejur boleh dilakukan di tapak pembinaan landskap selepas pengesahan struktur binaan landskap kejur. Pembinaan ini perlulah mengikut prosedur kerja dan tatacara keselamatan sepanjang kerja binaan dilakukan.


Tajuk: Amali membuat kotak tanaman (*planter box*).

Alatan dan Bahan: Batu bata jenis pasir simen, simen jenis *portland*, pasir sungai, sudip simen dan timbang air.

Langkah Keselamatan:

1. Mesti memakai pakaian amali yang sesuai untuk kerja amali.
2. Memakai kasut dan topi keselamatan serta sarung tangan.
3. Pastikan alat diguna dengan baik dan dibersihkan selepas penggunaan.
4. Berdisiplin ketika membuat amali.
5. Sentiasa mematuhi arahan yang diberikan.

Prosedur Kerja:



Rajah 5.10: Gambar rajah di atas menunjukkan contoh lakaran binaan kotak tanaman.

